

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : SELASA, 8 APRIL 2014

RUJUKAN : L12 [PR-1321-L59699]

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan berapakah jumlah bantahan yang dikemukakan kepada pihak DBKL mengenai kadar kenaikan taksiran cukai pintu dan apakah langkah yang diambil kepada bantahan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, jumlah bantahan yang diterima oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah sejumlah 166,724 daripada 507,800 Notis Semakan Semula Senarai Nilai yang telah dikeluarkan bersamaan 32.83%.

Pihak DBKL telah memulakan sesi pendengaran bantahan bermula 6 Januari 2014 dan berakhir sehingga 31 Mac 2014.

Pada masa ini, pihak DBKL mengadakan 8 sesi pendengaran bantahan setiap hari selama 4 hari atau 32 sesi seminggu.

Sehingga 26 Februari 2014, sebanyak 160,374 pembantah telah dipanggil menghadiri sesi pendengaran bantahan cukai pintu dan pembantah yang hadir hanya 25,594 (16%) sahaja.